

MUHAMMAD FAIZ SULONG, NOR AZHAN MD GHAZALI, HIDAYAH HAIROM, NORAFIZA JAAFAR, ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN, NURUL FIRDAUS KHAIRI, AHMAD ISMADI ISMAIL, MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

# Syarat permohonan rumit

PBT perlu letak syarat baharu supaya projek perumahan yang akan dibuat ada pondok pengawal

Mutakhir ini masyarakat sering menyuarakan kebimbangan mengenai kes pecah rumah dan kejadian jenayah yang berlaku berhampiran kawasan perumahan mereka. Itu belum lagi termasuk kes samun, melarikan kenderaan dan juga jenayah ragut yang berlaku di kawasan dihuni. Ada antara kes yang melibatkan taruhan nyawa apabila penjenayah mengambil tindakan luar kawalan mengikat dan mencederakan penghuni rumah yang dipecah masuk sebelum melarikan wang tunai dan barang berharga. Rentetan kejadian itu, penghuni mengambil pelbagai inisiatif termasuk berusaha mewujudkan sistem perumahan komuniti berpagar dengan kawalan keselamatan. Bagaimanapun, difahamkan bukan mudah bagi menubuhkan sistem itu kerana pemohon perlu mematuhi syarat dan prosedur ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

**KUALA SELANGOR** - Syarat permohonan rumit dan memerlukan 75 sehingga 100 peratus sokongan penduduk mungkin menjadi punca masih ada taman perumahan baru masih gagal mempunyai kelulusan pondok pengawal.

Pengerusi Pemuaafakatan Persatuan Penduduk Puncak Alam, Mohd Hanif MD Sultan berkata, syarat permohonan bagi Skim Perumahan Berpengawal dan Berpagar ini wajar dipermudahkan demi kepentingan semua.

Menurutnya, pihaknya turut mencadangkan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengkaji semula prosedur pelaksanaan itu dan sebaiknya jangan menyusahkan jawatankuasa penduduk (JKP).

"Skim perumahan berpengawal dan berpagar ini cukup penting untuk jawatankuasa penduduk membendung kejadian tidak diingini seperti kecurian harta benda dan ragut jalanan.

"Syarat persetujuan 75 peratus penduduk juga perlu dipertimbangkan semula kerana bukannya mudah untuk menghimpunkan penduduk bagi membincangkan isu seperti ini," katanya.

Mohd Hanif yang juga

Pengerusi JKP Sinar Alam juga memohon PBT supaya meletakkan syarat supaya semua projek perumahan baharu mesti mempunyai pondok pengawal.

"Kalau boleh, semua taman perumahan yang dibangunkan di Puncak Alam ini dipasang pondok pengawal supaya dapat membantu mengurangkan insiden tidak diingini.

"Sebab kalau JKP tak mampu nak melantik pengawal keselamatan berbayar, mereka boleh melaksanakan rondaan secara sukarelawan pada waktu malam dan menjadikan pondok pengawal sebagai post kawalan.

"Mungkin jika dulu isu ini dipandang sepi sebab tak ramai penduduk tapi sekarang, Bandar Puncak Alam cukup membangun dengan pelbagai projek perumahan.

"Jadi, sewajarnya PBT mengambil perhatian perkara ini bagi bersama menjaga keselamatan



Skim Perumahan Berpengawal dan Berpagar dipraktikkan di kebanyakan semua taman di Puncak Alam dan Saujana Utama.



KHAIRUL ANNUAR

dan kesejahteraan penduduk yang paling ramai pembayar cukai," katanya.

## Penduduk bantu tugas polis

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pemuaafakatan Penduduk Saujana Utama, Khairul Annuar Jalaluddin memberitahu sebarang permohonan penduduk bagi mewujudkan skim perumahan berpengawal dan berpagartida masalah.

Menurut beliau, setakat ini tiada masalah dan apa yang dimaklumkan cukup jelas kerana JKP sedia maklum dengan peraturan serta kriteria yang ditetapkan sebelum permohonan dibuat.

"Bagi saya, tiada masalah dan jika Saujana Utama 3 yang dulunya tidak berpagar kini sudah berpagar...begitu juga dengan permohonan JKP Sinar Warisan untuk

skim ini juga diluluskan.

"Sudah menjadi satu keperluan skim ini untuk memastikan jaminan keselamatan penduduk sebab kita tak boleh nak bergantung harap kepada polis semata-mata untuk rondaan.

"Sebab di Saujana Utama ini, kita hanya ada Balai Polis Komuniti Saujana Utama dengan bilangan kakitangan terhad bagi memantau keselamatan kawasan Saujana Utama dan Puncak Alam serta kawasan sekitar," katanya.

## MDKS proses ikut pekeliling

BAGI Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Mohamad Yusli Askandar, sesuatu permohonan melaksanakan Skim Perumahan Berpengawal kepada MDKS akan

diproses berdasarkan kepada peraturan kepada Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bil. 1 tahun 2016.

"Pelaksanaan Skim Perumahan Berpengawal untuk kawasan perumahan hanya boleh diguna pakai di kawasan pembangunan sedia ada yang dibangunkan mengikut seksyen 124A atau seksyen 204, Kanun Tanah Negara.

"Permohonan hanya boleh dikemukakan persatuan penduduk yang berdaftar dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia selain perlu mendapatkan 75 peratus persetujuan penduduk.

"Permohonan ini perlu dikemukakan melalui borang kaji selidik persetujuan penduduk, manakala format borang tersebut



MOHAMAD YUSLI

boleh didapati di Jabatan Perancangan Pembangunan MDKS," katanya.

Mohamad Yusli berkata, permohonan yang lengkap akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat untuk pertimbangan lanjut.

"Setiap kelulusan hendaklah mematuhi Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bil. 1 tahun 2016 dan permohonan akan ditolak sekiranya permohonan gagal mendapatkan 75 peratus persetujuan penduduk.

"Terdapat dua jenis struktur pengadang yang dibenarkan iaitu 'manual boom gate' dan 'auto gate'. Namun permohonan untuk 'auto gate' perlu mendapat 100 peratus persetujuan penduduk.

"Persatuan penduduk tidak dibenarkan membuat halangan kekal di laluan keluar masuk taman perumahan masing-masing dan sehingga 26 Januari lalu, MDKS menerima sejumlah 18 permohonan skim perumahan berpengawal," katanya.



Jaminan Perumahan Berpengawal dan Berpagar turut dijadikan salah satu tarikan pembeli bagi projek perumahan baru.